



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	3/6/2021	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	PERHILITAN / ZOO NEGARA			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



ZOO Negara mampu bertahan dua hingga tiga bulan ketika PKP penuh dijalankan bermula Selasa lalu.

Beri jaminan makanan haiwan tidak akan dicatu

Zoo Negara mampu bertahan tiga bulan

Oleh **NUR HUDA MUSA**

PETALING JAYA – Zoo Negara mampu bertahan dalam tempoh dua hingga tiga bulan tanpa pengunjung berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh di seluruh negara bermula 1 Jun.

Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly@Rahmat Ahmat Lana berkata, setakat ini pihaknya masih mampu menampung kos operasi termasuk keperluan makanan haiwan serta gaji kakitangannya.

“Keadaan di Zoo Negara buat masa ini masih seperti biasa, cuma bezanya kita tidak ada pengunjung. Setakat ini, perbelanjaan Zoo Negara boleh bertahan untuk tempoh dua hingga

tiga bulan.

“Bagi menggaji kakitangan juga tiada masalah cuma tidak semua kakitangan digalakkan melakukan kerja lebih masa, melainkan bagi kakitangan yang perlu membuat pemantauan 24 jam terhadap anak panda yang baru dilahirkan oleh panda betina, Liang Liang Isnin lalu,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Mengulas mengenai bekalan makanan pula, Rosly berkata, bekalan masih mencukupi dan makanan tidak akan dicatu untuk diberikan pada haiwan-haiwan di Zoo Negara kerana boleh menjejaskan kesihatan haiwan.

“Berbeza dengan PKP tahun lalu, itu pertama kali negara berdepan PKP jadi kita tidak sempat membuat persediaan,

itu yang membuatkan bekalan makanan dan perbelanjaan juga tidak mencukupi.

“Malah PKP pertama dahulu menyebabkan banyak pihak hantar bekalan makanan ke Zoo Negara hingga tiada tempat untuk simpan dan akhirnya terpaksa dibuang kerana makanan rosak selepas tidak disimpan dengan betul. Tetapi, kali ini semuanya terkawal,” jelasnya.

Baru-baru ini Zoo Negara ada menerima bantuan daripada kerajaan kira-kira RM1 juta, serta sumbangan daripada pihak luar.

“Dahulu memang Zoo Negara perlu merayu kerana tidak cukup duit dan kita takut haiwan tidak makan. Jadi, hebahan media ketika itu memang banyak membantu Zoo Negara,” katanya.



KORPORAT